

## PML UMS Terima RM180,000 Geran Penubuhan Taska di Tempat Kerja Sektor Awam

Terakhir dikemaskini: Khamis, 13 Jun 2019 16:04 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 685

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



**KHAMIS, 13 JUN** - Pusat Minda Lestari (PML), Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerima RM180,000 Geran Penubuhan Taman Asuhan Kanak-kanak (Taska) di Tempat Kerja Sektor Awam, baru-baru ini.

PML menerima geran tersebut bersama empat agensi kerajaan lain iaitu Pejabat Pentadbiran Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (TSKN), Jabatan Hal Ehwal Wanita (JHEWA), Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) Tun

Mohammad Fuad Stephens Sandakan, dan Jabatan Penjara Negeri Sabah.

Majlis penyampaian replika cek geran disempurnakan TSKN, Patrick Tan @ Tan Su Teck mewakili Setiausaha Kerajaan Negeri (SKN) Sabah, Datuk Seri Panglima Hashim Paijan, di Bilik Mesyuarat Pejabat SKN, di sini dengan disaksikan Timbalan Pengarah Persekutuan, Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am, Hajah Dayang Rugayah Awang Besar.

PML dalam satu kenyataan berkata, kejayaan mendapatkan geran peruntukan itu merupakan satu pengiktirafan agensi pusat terhadap kemampuan UMS untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan, pengajaran dan pembelajaran awal kepada anak-anak kakitangan UMS.

“Geran yang disalurkan ini akan digunakan untuk tujuan menyelenggara, mengubahsuai dan membeli peralatan yang diperlukan bagi memulakan operasi perkhidmatan Taska di UMS Kampus Sandakan selaras dengan hasrat Timbalan Perdana Menteri Malaysia yang inginkan penubuhan Taska di tempat kerja mulai Januari 2019.

“Pemberian geran penubuhan Taska di tempat kerja sektor awam adalah bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan asuhan kepada kanak-kanak di bawah umur empat tahun, mengurangkan kerisauan ibu bapa yang bekerja supaya lebih fokus kepada pekerjaan mereka, menggalakkan ibu bapa menghantar anak-anak mereka kepada Taska berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan memberikan asuhan dan didikan awal kanak-kanak selaras dengan dasar asuhan dan didikan awal kanak-kanak kebangsaan,” demikian menurut kenyataan itu.

Pada majlis tersebut, PML diwakili pengarahnya Aidah Noordin bersama Penolong Pendaftar Kanan, Faddili Kasin; Penyelia Taska, Aminah @ Bibiana Idris; serta Penyelia Daycare dan Transit PML, Jaini Sapirai.

Untuk rekod, PML menyasarkan cawangan Taska di Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan beroperasi bermula pada Ogos depan.